

Utusan Malaysia - Kadar Jangka Pendek Ditutup Stabil

 Rabu, Feb 07 2018

Kadar jangka pendek ditutup stabil

UM 7/2

KUALA LUMPUR 6 Feb. -

Kadar antara bank jangka pendek ditutup stabil hari ini susulan campurtangan Bank Negara Malaysia (BNM) untuk mengurangkan lebihan mudah tunai daripada sistem kewangan.

Lebihan mudah tunai dalam sistem konvensional susut kepada RM32.33 bilion daripada RM36.11 bilion pada sebelah pagi, manakala dalam sistem Islam, ia berkurangan kepada RM11.60 bilion daripada RM15.68 bilion.

Terdahulu, BNM menawarkan tujuh tender terdiri daripada tiga tender pasaran wang konvensional, tiga tender Qard lelongan matang pelbagai Islam dan satu Program Komoditi Murabahah. - **BERNAMA**